

Fokus ekonomi Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur: Menyemarakkan ekonomi Wilayah Persekutuan khususnya di Kuala Lumpur dengan pembabitan lebih ramai warga tempatan menjadi antara keutamaan Datuk Seri Shahidan Kassim.

Ahli Parlimen Arau yang dijangka mengangkat sumpah Menteri Wilayah Persekutuan hari ini, berkata untuk itu beliau akan meneliti dasar berkaitan pembabitan warga asing dalam sektor ekonomi, terutama penaja kecil.

“Warga tempatan mesti diberi ruang dan peluang untuk berniaga. Keutamaan adalah untuk mereka bukannya warga asing.

“Saya akan teliti dasar berkenaan warga asing sama ada boleh atau tidak mereka terbabit,” katanya kepada *BH*, semalam.

Shahidan adalah Menteri Besar Perlis selama 13 tahun bermula 1995 dan pernah dilantik sebagai Penasihat Khas kepada Perdana Menteri mengenai Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

Pada 2013 ketika pentadbiran bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, beliau adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Shahidan berkata, turut diberi perhatian ialah aspek peruma-



Pembabitan lebih ramai warga tempatan dalam sektor ekonomi akan diteliti untuk semarakkan ekonomi Wilayah Persekutuan.
(Foto Aswadi Alias/BH)

han dan bagaimana meningkatkan imej bandar raya Kuala Lumpur serta kualiti kehidupan penduduknya melalui kewujudan lebih banyak kawasan riadah.

Bagi memastikan semua hasrat itu dicapai, beliau akan mendapatkan pandangan bekas Menteri Wilayah Persekutuan, semua Ahli Parlimen, termasuk pembangkang dan wakil persatuan penduduk.

“Saya sudah bertemu dengan Tan Sri Annuar Musa dan akan



Shahidan Kassim

bertemu dengan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dalam masa terdekat.

“Pendekatan digunakan mereka ketika menerajui Kementerian Wilayah Persekutuan adalah baik, namun saya akan cuba untuk meningkatkannya,” katanya.

Ditanya mengenai kritikan Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap pelantikannya, Shahidan berkata, beliau tidak berminat memberikan komen berlebihan kerana menghormati pengalaman yang dimiliki bekas Per-

dana Menteri itu.

“Beliau menuduh saya pandai bercakap sahaja. Memanglah saya terpaksa bercakap kerana tidak lagi menjadi menteri sejak 2018.

“Bagilah saya buat kerja dahulu, adakah sebagai Menteri Besar dahulu saya sudah gagal. Yang melantik saya Tun sendiri. Sepanjang jadi menteri yang jaga bencana dan maritim, saya tidak pernah bercuti kerana bencana berlaku setiap dua tiga bulan sekali. Adakah saya telah gagal?

“Kalau nak tegur, Tun kena tegur semua, termasuk anaknya, Datuk Seri Mukhriz sama ada boleh buat kerja atau tidak,” katanya.